

Newspaper	Berita Harian
Date	14 June 2015

Perluas skim mikro kepada usahawan tempatan: PM

» *Institusi kewangan digalakkan tawar pinjaman untuk pengusaha francais kecil*

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan mahu lebih banyak institusi kewangan menawarkan skim mikro francais kepada usahawan fran-

cais tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang dibentangkan baru-baru ini menekankan kepentingan perusahaannya kecil dan mikro.

Katanya, kerajaan berpuas hati kerana sudah ada hampir 80 perniagaan francais mikro di Malaysia dan ia sejajar hasrat kerajaan untuk memastikan semua peluang perniagaan adalah terbuka kepada setiap rakyat.

Bantu semua jenis perniagaan
"Langkah menawarkan skim mikro francais ini akan dapat membantu semua jenis perniagaan di setiap peringkat termasuk kum-

pulan berpendapatan rendah.

"Kerajaan mahu supaya semua usahawan baharu menerima bantuan dan galakan yang mereka perlukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM) 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek dan Pengerusi Perustasan Francais Malaysia, Datuk Mohd Latip Sarrugi.

Pada majlis itu, empat Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia, termasuk

Smart Reader Worldwide dan Naza Tutti Frutti ditandatangani dengan beberapa syarikat luar negara, antaranya dari Singapura, Indonesia, Thailand dan Australia.

FIM kali ini disertai lebih 85 syarikat francais dari dalam dan luar negara, antaranya Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Indonesia dan Taiwan.

Perdana Menteri turut meluangkan masa selama setengah jam untuk melawat pameran di FIM 2015.

Tambah jenama francais

Najib berkata, kerajaan juga menasarak untuk meningkatkan bilangan jenama dan cawangan francais di luar negara kepada

sekarang-kurangnya 40 buah setiap tahun.

Katanya, ia akan dilakukan menerusi Program Eksport Francais yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

"Program ini akan menyediakan bantuan kewangan kepada francaisor tempatan dalam dua bidang iaitu pendaftaran hak cipta intelek dan mendapatkan perjanjian francais luar negara.

"Saya berharap francaisor yang layak termasuk francaisor Bumi-putera yang ingin kita tingkatkan jumlah penyertaannya, akan mengambil peluang ini.

"Kerajaan juga akan membantu menyokong pembangunan francais, termasuk melalui program latihan, bantuan penterjemah, suai padan antara syarikat dan individu serta menghantar ke misi dagangan luar negara," katanya.

Najib berkata, beliau juga bangga apabila usaha kerajaan untuk mempromosikan sektor francais mula diiktiraf.

PM lawat masyarakat Orang Asli

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bersama masyarakat Orang Asli pada Majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Kampung Tasek Mentiga, Pekan, semalam. Pada majlis itu, **Najib turut menyerahkan sumbangan kepada mereka yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban menjalani kehidupan seharian.**

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

